2. Mahkamah telah menetapkan tarikh perbicaraan ialah pada 12hb. September, 1994 jam 8.30 pagi. Sila puan hadir pada tarikh tersebut bersama-sama dua orang saksi (jika ada).

3. Kehadiran puan amat diperlukan.

Sekian, terima kaseh.

# MEMBANGUN BERSAMA ISLAM #

Yang Menurut Perintah,

(HJ. MOKHTAR BIN HJ. MOHAMAD)
QADHI JAJAHAN,
KOTA BHARU.

s.k.

Penolong Pengarah
Biro Bantuan Guaman,
Negeri Kelantan.
(Fail tuan: BBG.(C)78/94 ada kaitan)

Salinan ini disahkan betul
sebagaimana yang asal

..................................... 21

Qadhi Jajahan Kota Bharu

محكمه قاضي ججاهن كوت بهارو،
كلنتن.

MAHKAMAH KADI JAJAHAN
15150 KOTA BHARU
KELANTAN.

No. Telefon K.B. : 782


7

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: M K J K B. Kn. (T)62/94

Tarikh: 5hb. September, 1994

Fazila bt Mat Sa'aid @ Abdullah,
Lot No. 2028 Kg. Seri Chepa, Sering,
16150 Kota Bharu,
Kelantan.

Puan,

Penetapan Tarikh Perbicaraan Kes Taklik Pukul No. (T)62/94

Merujuk kepada perkara diatas ada kaitan.

2. Mahkamah telah menetapkan tarikh perbicaraan ialah pada 12hb. September, 1994 jam 8.30 pagi. Sila puan hadir pada tarikh tersebut bersama-sama dua orang saksi (jika ada).

3. Kehadiran puan amat diperlukan.

Sekian, terima kaseh.

# MEMBANGUN BERSAMA ISLAM #

Yang Menurut Perintah,

(HJ. MOKHTAR BIN HJ. MOHAMAD)
QADHI JAJAHAN,
KOTA BHARU.

s.k.

Penolong Pengarah
Biro Bantuan Guaman,
Negeri Kelantan.
(Fail tuan: BBG.(C)78/94 ada kaitan)

Salinan ini disahkan betul
sebagaimana yang asal

Qadhi Jajahan Kota Bharu

BIRO BANTUAN GUAMAN
MALAYSIA

BBG.KN(C)78/94

8

NEGERI KELANTAN

DI DALAM MAHKAMAH KADI KHAS/JAJAHAN KOTA BHARU

KES ~~MAL~~ TAKLIK NO......... TAHUN 1994

DIANTARA

FAZILA BT. MAT SA'AID @ ABDULLAH ... YANG MENUNTUT

DAN

WAN ZULMAJDI BIN WAN DAUD ... YANG KENA TUNTUT

SURAT PERWAKILAN

Bahawa adalah saya Fazila bt. Mat Sa'aid @ Abdullah

Pihak Yang Menuntut di dalam perkara tuntutan cerai taklik menyakiti tuboh badan(pukul)

mengikut Undang-Undang Mahkamah Syariah Negeri Kelantan dengan sesungguhnya telah berikrar dan berlafaz bahawa saya memberi wakil dan kuasa menggantikan saya mengikut Hukum Syarak kepada En. Ibrahim bin Denis / Pegawai Syariah ~~Penolong Pengarah~~ Biro Bantuan Guaman Kota Bharu, Kelantan

dalam menjalankan bicara bersabit dengan kes yang tersebut di atas dan saya mengaku serahkan kepadanya untuk membuat dan menjalankan bicara dan menjawab apa-apa yang ada kena mengena dan bersangkutpaut bagi pihak saya dalam perkara tersebut di atas mengikut Undang-Undang untuk mendapat faedah dan muslihat bagi saya dengan secara halal dan sah di sisi Hukum Syarak dan Undang-Undang Negeri ini adanya.

Bertarikh pada 12 haribulan 9 19 94

(signature)
Tendatangan Yang Menuntut.

Saya telah dengar sendiri Fazila bt. Mat Sa'aid @ Abdullah pihak Yang Menuntut di atas telah berlafaz wakillah kepada saya bagaimana yang tersebut di atas.

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

(signature)
..............................

A1

En Adam,
nerfzila
9
16-7 Su

PENGUASA HOSPITAL
HOSPITAL KOTA BHARU
15586 KOTA BHARU
KELANTAN DARULNAIM

TEL:7485533/334

(Kn.Perub.94)

Bil.( 7 )dlm.HKB/BML/BBG/94
Bil.Surat Tuan: BBG.KN(C)78/94-5
Tarikh: 2.7.94

Pengarah,
Biro Bantuan Guaman,
Tingkat 11, Wisma Persekutuan,
Jln. Bayam, K/Bharu.

Tuan,

Lapuran Perubatan Ke atas
Fazila Mat Sa'aid @ Abdullah
No. K/P: A 1974295
Tarikh Rawatan: 24.5.94 ( A & E )
MLC No.: 71/94/HNHJ

Alleged assaulted by husband today and past few days and few month ago.
Complain of pain at above sacral area.

On Examination :-
General condition- fair.

Injuries sustained :-
1. Swelling at sacral area
   Tender on palpation.
2. Bruises ( greenish - yellowish) patches left thigh
   x 3 places.

Sekian,terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah

RECEIVED
14 JUL 94
Biro Bantuan Guaman
Kelantan, Kota Bharu

( DR. HJH.NAIMAH HJ. JAAFAR )
HNHJ/Nrz
PEGAWAI PERUBATAN
JABATAN KECEDERAAN & KECEMASAN
HOSPITAL KOTA BHARU
KELANTAN.

"SILA AKUI PENERIMAAN LAPURAN INI DAN
SILA RUJUK BILANGAN KAMI APABILA MENJAWAB"

Salinan ini disahkan betul
sebagaimana yang asal

MAHKAMAH TERBUKA

Di hadapan saya.

t.t

Qadhi Jajahan

Kota Bharu

12.9.94.

Jam 9.03 pagi.

DI DALAM MAHKAMAH QADHI JAJAHAN

KOTA BHARU

KES TAKLIK BILANGAN: 62/94

DI ANTARA

FAZILA BT. MAT SAID @ ABDULLAH - YANG MENUNTUT
(K/P: A 1974295)

MELAWAN

WAN ZULMAJDI BIN WAN DAUD - YANG KENA TUNTUT
(K/P: A 0676847)

KES TUNTUTAN CERAI MENGESAH TAKLIK PUKUL BAB 37
ENAKMEN KELUARGA ISLAM 1/83 N. KELANTAN.

- Pada hari ini kedua-dua Yang Menuntut dan Kena Tuntut ada hadhir.
- Yang Menuntut di wakili oleh Pegawai Syariah Biro Bantuan Guaman Negeri Kelantan, En. Ibrahim bin Deris.
- Yang Menuntut melafazkan wakil kepada En. Ibrahim mengikut hukum syara' dan undang-undang.
- Mahkamah memberi penerangan kepada Kena Tuntut tentang Yang Menuntut dan Kena Tuntut telah mengaku faham dan bersetuju dibicarkan.

2/...

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

..................................

KETERANGAN YANG MENUNTUT:

- Setelah berikrar bercakap benar dengan ini saya, Fazila bt. Mat Said @ Abdullah, k/p: A 1974295, umur 25 tahun, pekerjaan Juruwang Pantai Timor Kota Bharu, alamat Lot 255, Kg. Sri Chepa, Kota Bharu.

DAKWAAN:

- Saya hadhir ke Mahkamah hari ini pohon daripada Tuan Kadhi cerai mengesah Taklik Pukul atau Menyakiti Tubuh Badan.
- ( Saya tidak mahu bawa saksi) ke atas suami saya Wan Zulmajdi bin Wan Daud ada dalam Mahkamah ini. Saya berkahwin dengan dia pada 8.4.1993 di Kg. Chepa, Sering, Kota Bharu.
- Pada 18/4/94 kira-kira jam 8.00 malam berlaku perbalahan mulut dengan suami saya, akibatnya suami saya cubit di paha.
- Peristiwa kedua pada 23/4/94 lebih kurang pukul 8.00 malam juga telah berlaku perbalahan dengan suami saya, akibatnya lebih kurang jam 10.00 malam suami saya pukul saya. Peristiwa ini berlaku di atas rumah suami saya di Kg. Pauh, Pulau Melaka. Suami saya pukul dengan tangan dan tendang saya terkena kepada anggota saya dan saya terus lari ke rumah maknya, kemudian ke rumah kakak dia. Suami pergi heret saya ketika saya nak talipon kepada orang tua saya.
- Saya ada pergi hospital Kota Bharu dan doktor keluar surat perakuan.
- Saya cedera di paha ada kesan bera dan lebam. Selepas itu saya pun balik ke rumah mak saya di Kg. Sri Chepa, Sering, Kota Bharu. Dengan sebab itu saya tidak mahu lagi buat suami kepada Wan Zulmajdi dan pohon bercerai mengesah Taklik Pukul

t.t

Kadhi Jajahan

Kota Bharu

12.9.94

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

3/...

-

[illegible]:

JAWAPAN YANG MENUNTUT KEPADA SOALAN KENA TUNTUT

- Ya! Betul saya nak bercerai dengan dia.
- Lain-lain tidak ada.

JAWAPAN YANG MENUNTUT KEPADA SOALAN MAHKAMAH

- Ya! Betul berlaku perbalahan pada 19.5.94 bukan 19.4.94.
- Ya! Suami saya cubit paha kiri ada kesan lebam dan saya rasa sakit.
- Kali kedua berlaku perbalahan pada 23.5.94 di atas rumah kami suami isteri di Kg. .auh. Suami saya cubit di paha kiri juga ada bekas lebam.
- Ya! Suami saya 'sugung' saya ke katil, muka dan kepala saya kena katil ada kesan merah.

t.t

.adhi Jajahan

Kota Bharu

12.9.94

4/...

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

..................................

Qadhi Jajahan Kota Bharu

Kelantan

KETERANGAN YANG KENA TUNTUT:

- Setelah berikrar bercakap benar dengan ini saya Wan Zulmajdi bin Wan Daud, K/p No. A 0676847, umur 27 tahun, pekerjaan Boroh, alamat 824, Kg. Pauh, Panji, Kota Bharu.
- Mengaku betul Fazila isteri saya telah berkahwin pada 8/4/1993 di Mukim Mentuan, Pering, Kota Bharu.
- Saya mengaku pada 18.5.94 jam 1.00 pagi di atas rumah kami berdua di Kg. Pauh Panji telah 'kutil' isteri saya, paha kiri saya lihat bera dan lebam dan saya yakin isteri saya rasa sakit ditempat saya kutil. Perbuatan saya itu kerana dia derhaka pada saya buat tuntutan cerai, simpan kad pengenalan lelaki lain.

t.t

Qadhi Jajahan

Kota Bharu

12.9.94.

JAWAPAN YANG KENA TUNTUT KERANA SOALAN PEGAWAI SYARIAH

- Ya! Saya tidak setuju nak bercerai dengan isteri saya.
- Ya! Saya 'kutil' isteri isteri sayadipaha kiri, saya nampak lebam dan bera.

YANG KENA TUNTUT MENGGULUNG HUJJAH

Tidak ada apa-apa yang hendak diberitahu kepada Mahkamah.

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

57...

Cadhi Jajahan Kota Bharu

PEGUAM YANG MENUNTUT MENGGULUNG HUJJAH:

- Pohon hukuman di atas keterangan Yang Menuntut dan pengakuan Yang Kena Tuntut telah 'kutil' Yang Menuntut dan ada kesan bera dan lebam.
- Alasan Yang Menuntut derhaka itu masaalah yang kedua.
- Pohon sabit Tuntutan Yang Menuntut dalam kes ini sebagaimana surat taklik bil. 093007, tarikh 8.4.93 dikeluarkan oleh Imam Masjid Mukim Mentuan, Kota Bharu.

t.t

Qadhi Jajahaan

Kota Bharu

12.9.94.

PENANGGUHAN:

- Kes ini Mahkamah tangguh pada 27/9/94 jam 8,30 untuk umumkan keputusan.

- Cik K: Sila ambil ingatan.

t.t

Qadhi Jajahan

Kota Bharu

12.9.94.

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

.........................................

Qadhi Jajahan Kota Bharu

MAHKAMAH TERBUKA:

Di hadapan saya.

t.t

Qadhi Jajahan

Kota Bharu

27.9.94

jam 10.30 pagi.

KEPUTUSAN:

t.t

Qadhi Jajahan

Kota Bharu

27.9.94

- Setelah saya mendengar keterangan daripada kedua-dua Yang Menuntut dan Kena Tuntut tidak ada percanggahan iaitu Yang Kena Tuntut telah ' Kutil ' di paha kiri Yang Menuntut ada kesan bera dan lebam dan ini menyakitkan tubuh badan Yang Menuntut. Maka kes ini sabitlah di sisi saya, Yang Kena Tuntut telah menyakitkan tubuh badan Yang Menuntut dan apabila Yang Menuntut beri kepada saya RM 1.00 maka pada ketika itu tertalaqlah Yang Menuntut daripada Kena Tuntut dengan Satu Talaq ' Khulie ' sebagaimana surat taklik bil.093007 bertarikh pada 8.4.93 yang dikeluarkan oleh Imam M.Mentuan,Kota Bharu.

t.t

Qadhi Jajahan

Kota Bharu

27.9.94

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

Qadhi Jajahan Kota Bharu
Kelantan.

7/...

- Mana-mana pihak tidak puas hati boleh ipil dalm tempoh 14 hari.

- Cik K: Sila pastikan tempoh ipil.

t.t

Kadhi Jajahan

Kota Bharu

27/9/94.

Di hadapan saya.

t.t

Kadhi Jajahan

Kota Bharu

27/9/94.

- Pada hari ini kedua-dua Yang Menuntut dan Kena Tuntut ada hadhir.
- Keputusan di atas disempurnakan.

t.t

Kadhi Jajahan

Kota Bharu.

27.9.94.

Di hadapan saya.

t.t

Kadhi Besar

Kelantan.

6.10.94.

- Pemohoran Wan Zulmajdi pohon semak pada 28/9/94 d n didapati ianya telah memasukkan notis ipil 5/10/94. Oleh itu notis hendaklah diproses sew jarnya mengikut Undang-Undang supaya diangkat ke Mahkamah Rayuan.

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

BORANG 35
*(Seksyen 241)*

NEGERI KELANTAN

# NOTIS RAYUAN

Di Dalam Mahkamah Qadhi Jajahan ............ Mahkamah di Kota Bharu

Kes Taklik ............ Bil. 52 ............ 19 94

Di antara

Fazila bt Mat Sa'aid @ Abdullah ............ Pemohon

dan

Wan ZulMajdi bin Wan Daud ............ Defendan

MBIL PERHATIAN (1) - Wan ZulMajdi Bin Wan Daud

ialah tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Qadhi Jajahan di Kota Bharu

Kelantan ............ yang diberi pada 27

haribulan September 19 94 merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah

terhadap ~~sama ada~~ ~~atau~~ semua keputusan tersebut, sebahagian daripada keputusan tersebut sebagaimana yang diputuskan bahawa Pihak Yang Kena Tuntut tidak berpuashati terhadap semua perbicaraan dan keputusan kes tersebut yang di putuskan p pada 27 September 1994.

(nyatakan dengan lengkap)

Bertarikh pada 5 haribulan Oktober 19 94

Perayu
Peguam kepada perayu

Kepada ~~Pendaftar di~~ Qadhi di — Al Fadhil
Tuan Qadhi Jajahan
Kota Bharu, Kelantan

dan kepada (2) Fazila bt Mat Sa'aid @ Abdullah

Lot No 2028, Kg Seri Chepa, Sering, 16150 Kota Bharu, Kelantan.

(1) Masukkan nama perayu.

(2) Masukkan nama dan alamat responden atau responden-responden.

—PNMB., Tr.

Salinan ini disahkan betul sebagaimana yang asal

............

محكمه رايوان شرعيه كلنتن
(فجابت مفتي كراجان)

**MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH, KELANTAN**
**(PEJABAT MUFTI KERAJAAN),**
KOMPLEKS BALAI ISLAM, LUNDANG,
JALAN SULTAN YAHYA PETRA,
15200 KOTA BHARU,
KELANTAN DARULNAIM.

TELEFON: 09-7482023 (Talian Terus)
09-7443633 Sambungan:

| | | |
|---|---|---|
| Pejabat Am | .... | 146 |
| Mufti | .... | 145 |
| Timbalan Mufti | .... | 105 |
| Pendaftar | ... | 118 |

روجوعكن توان :
روجوعكن كامي :
برتاريخ :
برسمان :

Ruj Tuan :
Ruj Kami : MRS.Kn (Mal) Bil. 8/95
Bertarikh : 11hb. Julai, 1996
Bersamaan : 25hb. Safar, 1417

"السلام عليكم ورحمة الله وبركاته"

MAHKAMAH QADHI
TERIMA
11.7.96
KOTA BHARU, KELANTAN

Dato' Hj.Wan Mohamad B. Wan Mustapha.
Al-Fadhil Tuan Hj. Mohamad B. Yusoff,
Wan Zulmajidi B. Wan Daud,
Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman,
Al-Fadhil Tuan Qadhi Jajahan Kota Bharu

Dato'/Tuan,

Sijil Keputusan Rayuan Kes Mal 8 Tahun 1995
<u>Wan Zulmajidi B. Wan Daud -lwn- Fazila Binti Mat Sa'ad</u>

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas bersama-sama ini dikembarkan bersama Sijil Keputusan Rayuan Kes mal 8 Tahun 1995 yang dibicarakan pada 14hb. Jan, 1995 untuk perhatian Dato' /Tuan.

2. Kelewatan menghantar keputusan amatlah dikesali.

Sekian Terima Kasih.

"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM"

Yang menurut perintah,

(HJ. MOHD A. AZIZ B. HJ. MOHD NOOR)
PENDAFTAR,
MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH,
KELANTAN.

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

SIJIL KEPUTUSAN RAYUAN

DI BAWAH SEKSYEN 12(7) ENAKMEN PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 1982.

DI DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH KELANTAN, KOTA BHARU.
MAHKAMAH RAYUAN BILANGAN 8 TAHUN 1995 (taklik pukul)

DI ANTARA

WAN ZULMAJDI BIN WAN DAUD ......... YANG MERAYU

DENGAN

FAZILA BINTI MAT SA'AD ......... YANG KENA RAYU
(DIWAKILI OLEH BIRO BANTUAN GUAMAN
CHE IBRAHIM BIN MOHD. DERIS)

(DI DALAM PERKARA KES MAL MAHKAMAH KADI JAJAHAN KOTA BHARU BILANGAN 62/94 DIBICARAKAN DI MAHKAMAH KADI KOTA BHARU ) DI DALAM MAHKAMAH TERBUKA HARI AHAD BERSAMAAN 14 HARIBULAN JAN, 1996 DI HADAPAN ANGGOTA-ANGGOTA MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH:

i) DATO'HJ.HASBULLAH BIN MOHD HASSAN ..... .... PENGERUSI

ii) DATO' WAN MOHAMAD B. WAN MUSTAFA .... .... ANGGOTA

iii) AL-FADHIL TUAN HJ.MOHAMAD B. YUSOFF .... .... ANGGOTA

# P E R I N T A H A N

SETELAH MENGHALUSI BUKU MUSYKIL IPIL YANG DIKEMUKAKAN DAN MENDENGAR SEGALA HUJJAH-HUJJAH YANG DIBENTANGKAN OLEH KEDUA-DUA PIHAK YANG MANA PIHAK YANG KENA RAYU DIWAKILI OLEH BIRO BANTUAN GUAMAN MAKA MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI KELANTAN MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN SEBULAT SUARANYA BAHAWA IPILAN DITOLAK DIKEKALKAN KEPUTUSAN QADHI JAJAHAN KOTA BHARU DAN KOS DITANGGUNG OLEH PIHAK MASING-MASING.

DIKELUARKAN DI BAWAH KUASA SAYA DENGAN MOHOR MAHKAMAH PADA 14HB. JAN , 1996.

NAMA : DATO'HJ.HASBULLAH B. MOHD HASSAN

JAWATAN :

MRS.KN ( MAL ) 8/95

**Lampiran 14**

**Cadangan WAO Untuk Mempertingkatkan Keberkesanan Akta Keganasan Rumahtangga 1996.**

1. Intipati undang-undang/prosedur

• Masukkan keganasan psikologi dan seksual dalam Kanun Jenayah.

• Sertakan tindakan keganasan fizikal yang dlakukan oleh pasangan yang ada hubungan emosi.

• Semua kes keganasan rumahtangga mesti disiasat, sama ada ia diklasifikasikan sebagai kes di mana pesalah boleh ditahan atau pesalah tidak boleh ditahan.

•Keluarkan injunksi perlindungan secara berasingan dan tidak ada kaitan dengan tindakan undang-undang yang sedang berjalan.

2.Fungsi kerajaan negeri

• Kerajaan negeri wajar mempunyai peruntukan mencukupi untuk kemudahan, melatih kakitangan dan khidmat sokongan untuk mangsa keganasan rumahtangga.

• Pastikan semua pegawai majistret dan pegawai awam yang bertanggungjawab ke atas perlaksanaan akta mendapat latihan supaya peka dengan keadaan mangsa.

• Promosi usaha mencegah semua bentuk keganasan terhadap wanita.

3.Prosedur Perintah Permohonan Interim(IPO)

- Selaraskan prosedur laporan polis dan Jabatan Kebajikan di antara daerah dan negeri.

- Hapuskan keperluan untuk membuat dua laporan keganasan rumahtangga di antara Jabatan Kebajikan dan polis.

- Hapuskan keperluan mendapatkan Perintah Untuk Menyiasat(OTI) dalam kes keganasan rumahtangga.

- IPO mesti dikeluarkan dalam tempoh dua puluh empat jam selepas mangsa membuat laporan.

- Wujudkan pusat serenti untuk memfailkan laporan keganasan rumahtangga, mengatur perintah perlindungan, mengatur kaunseling, mengikut keperluan mangsa.

- Kuasa untuk menangkap mesti dimasukkan dalam setiap IPO dan Perintah Perlindungan.

- Beri kuasa kepada pegawai polis untuk memohon IPO bagi pihak mangsa.

- Benarkan pengeluaran perintah perlindungan kecemasan dikeluarkan walaupun di luar waktu Mahkamah.

4.Fungsi Polis

- Pertingkatkan reaksi polis kepada keganasan rumahtangga dan jelaskan secara terperinci tugas polis untuk memastikan keberkesanan dan kelancaran penguatkuasaan udang-undang.

- Selaraskan prosedur polis membabitkan proses fail laporan keganasan rumahtangga, permohonan IPO dan melanggar IPO.

- Definisi fungsi polis dijelaskan secara terang di bawah akta supaya mendapat reaksi proaktif polis terhadap keganasan rumahtangga.

- Berkuasa memohon IPO bagi pihak mangsa.

- Pastikan tangungjawab polis untuk mengambil tindakan segera dalam situasi di mana mereka percaya keganasan rumahtangga berlaku atau akan berlaku.

- Tingkatkan jumlah kakitangan polis terlatih dalam bidang keganasan rumahtangga.

- Tingkatkan komunikasi dan kerjasama diantara badan bukan kerajaan dan Jabatan Kebajikan.

5.Fungsi Jabatan Kebajikan Masyarakat

- Tingkatkan jumlah pegawai Jabatan Kebajikan yang mengendalikan kes keganasan rumahtangga termasuk penguatkuasanya.

- Selaraskan prosedur proses fail keganasan rumahtangga. Pastikan mangsa tidak perlu kembali ke daerah di mana keganasan itu berlaku untuk membuat laporan di pejabat kebajikan.

- Jelaskan tanggungjawab pegawai kebajikan dalam kes melanggar IPO.
- Ambil langkah memastikan urusan mangsa sulit dan selamat.
- Semua kes keganasan rumahtangga didokumenkan secara rasmi.

- Pastikan semua badan pendamai diberi latihan kepekaan gender mengenai keganasan rumahtangga.
- Wujudkan khidmat sokongan dan kaunseling untuk wanita mangsa dera dan kanak-kanak.
- Wujudkan kaunseling dan khidmat sokongan kepada pendera.

6.Fungsi mahkamah

- Mangsa boleh memohon secara langsung kepada mahkamah untuk mendapatkan PO dan IPO.
- Wanita mesti diberi hak pembelaan apabila memohon PO dan IPO.

7.Pengaruh budaya

- Gerakkan kempen pendidikan kebangsaan menggunakan saluran rasmi atau tidak rasmi untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keganasan dalam hubungan dan rumahtangga.
- Jalankan program pendidikan di sekolah rendah dan menengah mengenai kesedaran keganasan rumahtangga, fungsi gender, resolusi konflik dan mengawal kemarahan.

Lampiran 15: Sek.240-245 Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984.



menghina Mahkamah itu faham maksud kesalahan yang ditohmahkan terhadapnya dan diberi peluang untuk membela dirinya dan Mahkamah hendaklah membuat catatan yang teratur mengenai prosiding itu.

(2) Dalam semua kes-kes menghina Mahkamah yang lain, notis menunjukkan sebab mengapa pesalah tidak dipenjarakan di penjara sivil atau didenda hendaklah disampaikan sendiri kepada pesalah.

236. Suatu perintah mengenakan denda boleh dikuatkuasakan oleh perintah pelaksanaan atau perintah memenjara tetapi perintah pelaksanaan hendaklah biasanya dikeluarkan terlebih dahulu. Pelaksanaan.

237. Suatu perintah menghukum kesalahan menghina Mahkamah boleh ditangguhkan, digugurkan, atau dipindakan oleh Mahkamah atas sebab yang cukup dan khususnya jika orang yang bersalah kerana menghina Mahkamah membuat penghujjahan wajar dan meminta maaf atau sebaliknya membersihkan penghinaannya. Menggugurkan perintah.

238. Jikalau sebuah perbadanan bersalah menghina Mahkamah, Mahkamah boleh mengiktiraf kesalahan demikian dan menghukum sewajarnya mana-mana pegawai perbadanan itu yang telah menyebabkan atau dengan cuainya membenar atau bersubahat kepada menghina Mahkamah. Penghinaan oleh perbadanan.

239. Seseorang yang membuat apa-apa tindakan atau mengambil apa-apa langkah prosiding atas nama atau bagi pihak yang lain dan ia ketahui bahawa ia bukan dibenarkan dengan sahnya di sisi undang-undang oleh orang itu adalah melakukan kesalahan menghina Mahkamah. Pembicaraan tanpa kebenaran.

## BAHAGIAN XXXIII

## RAYUAN KEPADA MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

240. Dalam Bahagian ini "keputusan" termasuklah "penghakiman", "perintah" dan "dikri". Takrif.

241. (1) Rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah dibawa dengan cara memberi notis rayuan dalam Borang 35. Notis rayuan.

(2) Seorang pihak merayu boleh merayu atas seluruh atau mana-mana bahagian sesuatu keputusan dan notis rayuan hendaklah menyatakan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja dan bahagian mana keputusan itu dirayukan.

(3) Notis rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh keputusan itu dibuat. Mahkamah dari mana keputusan itu dirayu hendaklah membekal kepada pihak merayu, setelah menjelaskan fee mengenainya suatu salinan sah penghakiman itu atau, jika hukuman bertulis tidak diserahkan alasan-alasan penghakiman hendaklah dibekalkan.

(4) Sebaik sahaja salinan sah hukuman siap disediakan Mahkamah hendaklah memberitahu kepada pihak merayu.

(5) Dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh penerimaan notis, pihak merayu hendaklah, melainkan Mahkamah dengan alasan yang mencukupi memerintah sebaliknya—

(a) mendeposit ke dalam Mahkamah dari mana rayuan itu dibuat, sejumlah wang yang pada pendapat Pendaftar boleh membiayai kos untuk menyediakan bilangan salinan-salinan rekod rayuan bagi kegunaan Mahkamah Rayuan dan pihak-pihak kepada rayuan itu; dan

(b) membayar kepada Mahkamah dari mana rayuan itu dibuat sebanyak satu ratus lima puluh ringgit atau sejumlah wang yang kurang dari itu seperti yang diarahkan oleh Mahkamah sebagai cagaran untuk kos rayuan.

(6) Notis rayuan itu hendaklah disampaikan oleh pihak Merayu kepada semua pihak yang secara langsung terlibat dengan rayuan itu atau kepada peguam mereka masing-masing. Pihak yang tidak berkenaan tidak perlu disampaikan notis.

Rekod rayuan.

242. (1) Apabila pihak merayu telah memenuhi kehendak seksyen 241 atau Mahkamah Rayuan Syariah telah membenar pihak merayu sebagai seorang papa, Mahkamah di mana rayuan itu dibuat hendaklah

menyediakan bilangan yang dikehendaki salinan rekod rayuan yang dikehendaki dan rekod itu hendaklah mengandungi salinan-salinan—

(a) pliding yang berkaitan;

(b) nota-nota keterangan;

(c) alasan penghakiman;

(d) keputusan;

(e) notis rayuan;

(f) semua ekshibit dokumen dan semua dokumen lain yang pihak-pihak berkenaan menganggap relevan bagi maksud rayuan.

(2) Sebaik sahaja rekod rayuan siap disediakan Mahkamah dari mana rayuan dibuat hendaklah menyampaikan kepada pihak merayu notis dalam Borang 36.

(3) Jika pihak merayu berpendapat bahawa mana-mana ekshibit dokumen yang digunakan adalah tidak perlu dimasukkan ke dalam rekod itu, ia hendaklah mendapat kebenaran bertulis semua pihak rayuan itu supaya dokumen itu digugurkan daripada rekod itu. Kebenaran bertulis itu hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar.

(4) Apabila diminta oleh pihak merayu dan, jika deposit yang tersebut di dalam seksyen 241 (5) tidak mencukupi setelah dijelaskan oleh pihak merayu bayaran selanjutnya bagi mencukupi kos penyediaan rekod rayuan itu, Pendaftar hendaklah—

(a) membekalkan kepada pihak merayu satu salinan rekod rayuan atau salinan tambahan yang mencukupi bagi penyampaian kepada responden atau responden-responden, dan

(b) mengemukakan kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah baki salinan rekod itu setelah mengendorskan atas satu daripada salinan-salinan itu tarikh penyampaian notis tersebut dalam seksyen-kecil (2).

Pergantungan Pelaksanaan menunggu rayuan.

243. Failan notis rayuan tidaklah berkuatkuasa sebagai pergantungan pelaksanaan, tetapi Mahkamah boleh atas permohonan dan dengan sebab yang mencukupi diberi menggantung pelaksanaan atas terma-terma yang ia fikir patut.

Pelaksanaan penghakiman atas rayuan.

244. Apabila mana-mana satu pihak telah mengambil keluar perintah Mahkamah Rayuan Syariah dan telah mengemukakan perintah itu kepada Mahkamah Qadhi dari mana rayuan dibuat, Mahkamah Qadhi itu hendaklah melaksanakan perintah mengikut peruntukan Enakmen ini.

Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah.

245. Penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah adalah muktamad.

## BAHAGIAN XXXIV

## ORANG-ORANG PAPA

Permohonan menuntut atau membela sebagai orang papa.

246. (1) Mana-mana orang, yang ingin memulakan atau membela mana-mana tindakan atau prosiding lain atas haknya sendiri, dan tidak upaya membayar fee Mahkamah mengenainya, boleh memohon kepada Mahkamah, untuk mendapat kebenaran mendakwa atau membela sebagai seorang papa.

(2) Permohonan itu hendaklah melalui afidavit dalam Borang 37 dan Borang 28 mengikut mana yang berkenaan dan pemohon hendaklah menyatakan di dalamnya—

(a) nama, tempat tinggal dan pekerjaannya;

(b) bahawa ia tidak berupaya membayar fees Mahkamah dalam tindakan itu atau prosiding lain;

(c) semua kenyataan matan kes itu;

(3) Afidavit itu hendaklah disediakan oleh pemohon atau oleh seorang pegawai Mahkamah dan hendaklah diperakukan dengan sumpah oleh pemohon itu di hadapan Qadhi atau Pendaftar.